

Headline	Lebih 73.2 juta pokok sudah ditanam setakat ini		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	7	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	238 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,774
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,322



Lebih 73.2 juta pokok sudah ditanam setakat ini

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok merupakan program penghijauan untuk kekal, tambah litupan hijau di Malaysia

KUALA LUMPUR: Lebih 73.2 juta pokok telah ditanam di seluruh negara setakat ini melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilaksanakan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Dr Norwati Muhammad berkata kempen tersebut merupakan program penghijauan yang bertujuan mengekalkan dan menambah litupan hijau di negara ini.

"Kempen selama lima tahun bermula pada 2021 itu, juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat

mengenai kepentingan menjaga litupan hijau dan hutan serta mendorong mereka terlibat aktif dalam memperbanyakkan pokok," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata kempen tersebut juga untuk menyokong komitmen kerajaan dalam melindungi dan mengelakkan 50 peratus kawasan hutan di seluruh negara sekali gus memelihara keseimbangan ekosistem hutan di Malaysia.

Norwati berkata bagi menjayakan kempen itu, FRIM turut menganjurkan pelbagai kursus, seminar dan bicara bersama pakar berkenaan topik yang berkaitan dengan sains perhutanan untuk me-

ningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan hutan dan penjagaan alam sekitar.

Katanya antara tajuk sesi perkongsian dikongsi FRIM bersama semua pihak berkepentingan termasuk "Tiada bakau, tiada makanan laut?"; "Apa yang perlu dilakukan jika tanaman sakit?"; "Penanaman pokok: Dengan atau tanpa tanah"; dan "Amaran: Pemuliharaan tanaman".

Menurut Norwati FRIM juga menawarkan pokok percuma kepada peserta yang menyertai sesi pengkongsian tersebut dan siri perkongsian itu turut dianjurkan di peringkat antarabangsa

bersama-sama sambutan

berkaitan perhutanan.

Sementara itu, beliau berkata sekolah, agensi dan badan korporat yang berhasrat mendapatkan anak pokok bagi tujuan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sekali gus merealisasikan program penghijauan negara, boleh memohon kepada Ketua Pengarah FRIM bagi tujuan itu.

"Setakat ini, 2,700 pokok telah disumbangkan kepada individu, sekolah, syarikat dan pihak universiti serta badan korporat," katanya.

Selain NRECC kempen ini turut didukung tiga jabatan kerajaan yang memainkan peranan penting iaitu Jabatan

Perhutanan Semenanjung Malaysia, FRIM dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM).

"Tanggungjawab FRIM dalam kempen ini adalah menerajui Jawatankuasa Teknikal Penanaman 100 Juta Pokok yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi," katanya.

Selain melaksanakan pelbagai kursus, seminar dan bicara perkongsian pakar, jawatankuasa teknikal itu juga bertanggungjawab mengendalikan verifikasi spesies pokok yang ditanam oleh individu yang telah berdaftar dengan aplikasi mudah alih Penghijauan Malaysia.

Beliau menjelaskan 200 penerbitan telah dikeluarkan dalam bentuk artikel, video dan infografik bagi meningkatkan dan menyebarkan kesedaran

masyarakat tentang penghijauan yang dimuat naik di platform media sosial seperti Facebook, TikTok, Instagram dan X.

— Bernama

Headline	Lebih 73.2 juta pokok sudah ditanam setakat ini		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	7	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	238 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,774
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,322

“ Kempen selama lima tahun bermula pada 2021 itu, juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingkan menjaga litupan hijau dan hutan serta mendorong mereka terlibat aktif dalam memperbanyak pokok.”

Dr Norwati Muhammad
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM